

- (b) Jika Kontraktor gagal memperbaharui polisi-polisi insurans, P.P. hendaklah menggunakan haknya dibawah Kontrak untuk melanjutkan tempoh liputan insurans tersebut kepada satu tempoh yang dijangkakan kontraktor boleh menyiapkan keseluruhan kerja. P.P. akan menuntut kos bayaran premium yang terlibat yang ditambah dengan kos caj ke atas kos bayaran premium tersebut (*on-cost charges*) sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Lampiran Kepada Syarat-syarat Kontrak.

10.6 Tatacara Kelulusan Lanjutan Masa

- 10.6.1 Sejar dengan peruntukan Syarat-syarat Kontrak, Pegawai Yang Dinamakan bertanggungjawab untuk menimbang serta meluluskan permohonan Lanjutan Masa daripada Kontraktor. Demi memastikan proses pemberian lanjutan masa dilaksanakan dengan adil dan saksama dan tidak diluluskan sewenang-wenangnya oleh Pegawai Yang Dinamakan dalam kontrak, satu Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa³ (JKLM) ditubuhkan diperingkat Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Malaysia bagi semua projek persekutuan dibawah kendalian Jabatan Kerja Raya.
- 10.6.2 Dengan adanya JKLM ini, Pegawai Yang Dinamakan hanya dibenarkan untuk meluluskan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa sekali sahaja. Kelulusan Lanjutan Masa yang berikutnya hanya boleh dibuat oleh Pegawai Yang Dinamakan selepas mendapat perakuan daripada JKLM.
- 10.6.3 Kelulusan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 1
- (a) Setelah menerima notis bertulis daripada Kontraktor mengenai sebab-sebab kelambatan, P.P. mesti membuat penilaian ke atas permohonan Kontraktor tersebut. Sekiranya Kontraktor berhak untuk mendapat lanjutan masa, P.P. perlu menyediakan serta mengemukakan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa untuk diluluskan.

³ Arahan KPKR Bil. 2/2009 bertarikh 28 Mei 2009 dan Arahan KPKR Bil (40) dlm.JKR.KPKR.020/03 Klt 8 bertarikh 21 Julai 2009.